

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

TARIKH : 19 Oktober 2015 (Isnin)

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan seiring dengan pembinaan penjara di Labuan, adakah Kerajaan akan memusatkan (*centralise*) badan kehakiman di bawah pentabiran Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang berpusat di Labuan untuk mendengar kes-kes sama ada sivil ataupun jenayah yang berdekatan dengan Kawasan Labuan seperti Beaufort dan sesetengah kawasan di Sarawak.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, selaras dengan peruntukan Perkara 121(1) Perlembagaan Persekutuan, pejabat pendaftaran utama bagi Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak adalah di Mahkamah Tinggi Kuching.
2. Terdapat tiga Mahkamah Tinggi di Sabah iaitu Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Mahkamah Tinggi Sandakan dan Mahkamah Tinggi Tawau. Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu merupakan Mahkamah yang akan bersidang secara litar bagi mendengar kes-kes di Labuan. Untuk makluman juga, setakat ini tiada sebarang cadangan untuk memusatkan badan Kehakiman bagi pentadbiran Mahkamah Tinggi mahupun Mahkamah Sesyen Sabah dan Sarawak di Labuan.
3. Berkenaan dengan cadangan agar Mahkamah ini membicarakan kes-kes dari daerah yang berdekatan seperti Beaufort dan kawasan-kawasan yang tertentu di Sarawak, dimaklumkan bahawa pada masa kini, kes-kes dari daerah-daerah berkenaan masing-masing dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu dan Mahkamah Tinggi Miri. Memandangkan kedudukan geografi daerah-daerah tersebut yang terletak di tanah besar, amalan sekarang adalah lebih memudahkan rakyat berbanding jika ia dibicarakan di Labuan.

Sekian, terima kasih.